

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 OKTOBER 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Macam-macam ada pada NICE 2017	Utusan Malaysia
2.	MOSTI dedahkan pelajar teknologi tinggi MRT	Utusan Malaysia
3.	Malaysia Presiden sains, teknologi NAM	Utusan Malaysia
4.	MRSM Terendak raih emas inovasi TVET	Utusan Malaysia
5.	Expect heavy downpour till next month	The Star
6.	699 Pusat Pemindahan mangsa banjir disediakan di Kelantan	BERNAMA
7.	Increase in rainfall early sign of possible floods	The Star
8.	216 pangkalan hadapan hadapi banjir	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 9 OKTOBER 2017 (ISNIN)



TECHNOLOGY Park Malaysia (TPM) di Bukit Jalil dijangka menerima 500,000 pengunjung sempena NICE 2017.

PUSAT Sains Negara di Bukit Kiara juga satu daripada lokasi NICE 2017.

Macam-macam ada pada NICE 2017

Objektif NICE 2017

■ Objektif sebenar NICE ialah untuk mengansipendakan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Peningkatan minat terhadap STI serta pembudayaan kreativiti dan inovasi adalah dua elemen penting NICE yang berupaya merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi baharu menjelang 2050.

■ Aktiviti yang dirancang bagi setiap kluster adalah pameran, STI, bengkel, Julian, padanan peragaan, pertandingan, penyampaian anugerah dan aktiviti interaktif bersama pengunjung.

KOMITMEN kerajaan untuk membangunkan bidang sains adalah jelas dengan penyediaan dana dan penganjuran pameran bagi mempromosi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) membantu penyelidik dan pereka cipta mengkomersialkan inovasi mereka.

Oleh itu, bagi memastikan strategi peningkatan produktiviti dan inovasi ini direalisasikan, pembudayaan inovasi dan kreativiti pada semua peringkat masyarakat perlu dipergiat.

Antara usaha Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membudayakan inovasi dan kreativiti adalah menerusi penganjuran Ekspo Inovasi dan Ekonomi Kreatif Nasional (NICE) 2017.

Cadangan penganjurannya dimaklumkan oleh Menteri

MOSTI semasa mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) pada 7 Februari lalu.

MOSTI menjalinkan kerjasama dengan lebih daripada 30 rakan strategik yang bukan sahaja akan bersama menayakan NICE 2017 tetapi akan turut mendukung agenda pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) negara. Rakan strategik ini juga akan bersama-sama MOSTI dalam memacu pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan jurang cabaran dengan harapan menjadikan negara ini bukan sahaja berpendapatan tinggi, mampan dan inklusif, tetapi negara yang maju sains dengan a *scientifically advance society*.

NICE 2017 menyasarkan kehadiran pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah dan siswazah

pusat pengajian tinggi, belia, pemain industri, badan bukan kerajaan (NGO), agensi dan jabatan kerajaan, penyelidik, pelabur antarabangsa dan syarikat modal teroka dari dalam dan luar negara.

Selain Technology Park Malaysia (TPM), tiga lagi lokasi satelit iaitu di Planetarium Negara, Pusat Sains Negara (PSN) dan Petrosains.



AKTIVITI berbentuk interaktif dapat menarik golongan muda kepada sains.

Program menarik untuk golongan muda

BAGI menarik minat seluruh rakyat Malaysia untuk menyertai NICE 2017, beberapa *signature programme* berasaskan pertandingan, pameran, program bina upaya dan *edutainment* kreatif seperti cabaran *e-sport*, pertandingan dron, pameran *Journey to Malaysia 2050 - Showcasing the Future* dan *KL Science Fiction Convention* akan dianjurkan.

Sebanyak 10 program adalah seperti *Robot Battle*, *KL Science Fiction*, *Fun Run for Science*, *NICE Games Convention*, *Science Book Fair*, *Animation Village*, *Neo @NICE Forum*, *Telescope 500 Gathering @Planetarium*, *Journey To Malaysia 2050* dan *TEDxKL*.

NICE 2017 dilaksanakan menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan kerjasama Kementerian, jabatan kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Menerusi pendekatan tersebut, semua Kementerian dan agensi boleh menyertai NICE 2017 menerusi pelbagai aktiviti yang disediakan

Penyelaksanaan NICE 2017 akan memberi faedah kepada rakyat Malaysia seperti berikut:

- ✓ Peningkatan minat rakyat Malaysia terhadap STI;
- ✓ Persediaan untuk kerjaya masa depan dan ekonomi masa depan negara;
- ✓ Pengantarabangsaan produk R&D berasaskan STI negara;
- ✓ Peningkatan kadar pelaburan langsung asing (FDI) negara; dan
- ✓ Persediaan menghadapi Revolusi Industri Ke-4.

➔ Boleh dihubungi melalui 03-8885 8241. Portal <http://niceexpo.mosti.gov.my>, [FB@niceexpo.mosti](https://www.facebook.com/niceexpo.mosti), [Twitter@niceexpo.mosti](https://twitter.com/niceexpo.mosti), [IG@niceexpo.mosti](https://www.instagram.com/niceexpo.mosti) dan [youtube@niceexpo.mosti](https://www.youtube.com/channel/UC...)

dan memberi sumbangan dalam bentuk perkhidmatan, promosi serta sumber tenaga dan peralatan.

PENYELIDIKAN penghasilan Polisakarida Cendawan di Kompleks Dengkil Agensi Nuklear Malaysia



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 9 OKTOBER 2017 (ISNIN)

MOSTI dedahkan pelajar teknologi tinggi MRT

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited untuk mengarusperadahkan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan rakyat negara ini. Dalam usaha tersebut, masyarakat Orang Asli tidak dipinggirkan apabila diberi peluang untuk bersama-sama Menteri, **Datuk Madius Tangau** mengadakan lawatan kerja ke MRT Corporation, baru-baru ini.

Lawatan tersebut dianjurkan khusus untuk meneroka dan mendapatkan informasi mengenai teknologi yang digunakan dalam pembinaan Sistem Transit Aliran Massa (MRT) yang juga merupakan salah satu daripada pembangunan berorientasikan transit (TOD).

Seramai lapan orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Sungai Melut (A) Sepang telah dibawa bersama dalam lawatan tersebut yang turut disertai pengurusan tertinggi MOSTI dan disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Rapid Rail, **Datuk Ir. Zohari Sulaiman**. Yang turut hadir Ketua Setiausaha MOSTI, **Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya** dan Ketua Pengarah, Agensi Angkasa Negara (Angkasa), **Dr. Noordin Ahmad**. Madius berkata, langkah membawa pelajar Orang Asli itu



PELAJAR SK Sungai Melut (A) Sepang menunjukkan poster NICE ketika meninjau kemudahan MRT di Stesen Merdeka.

bagi memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk meneroka teknologi terkini yang digunakan dalam sistem pengangkutan awam di negara ini.

"Saya mengharapkan dengan usaha kecil ini, ada dalam kalangan mereka yang satu hari nanti akan menceburi bidang STEM (sains, teknologi,

kejuruteraan dan matematik). "Saya percaya dan penuh yakin bahawa pembangunan bakat adalah penting sebagai persediaan dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan dan bidang sains dan teknologi adalah bidang peneraju yang bakal memberi peluang yang lebih luas dan cerah kepada mereka," ujarnya.

Menurutnya lagi, pelaksanaan projek MRT melambungkan permintaan

tenaga kerja mahir pada masa hadapan. Satu perkara yang membanggakan adalah ia melibatkan dalam pembinaan jajaran MRT Sungai Buloh Kajang (SBK) terdiri daripada anak tempatan walaupun teknologi yang digunakan datang dari Jerman.

Daripada projek berprofil tinggi itu, pemindahan teknologi memberi peluang kepada anak-anak tempatan menerima pengalaman berharga dalam

menyepadukan kepakaran mereka dengan syarikat antarabangsa. Selain itu, projek berkenaan juga membuka peluang syarikat tempatan untuk mengeksport kemahiran dan keupayaan mereka ke luar negara pada masa akan datang.

"Tujuan utama kita membawa pegawai kanan MOSTI pada hari ini adalah untuk melihat inovasi yang diperkenalkan dalam hal berkaitan kejuruteraan, pengendalian dan keselamatan dan papan tanda, komunikasi dan juga teknologi bersih yang dalam dalam sistem kereta api ini.

"Dengan itu kita boleh memberitahu masyarakat bahawa Malaysia sudah mempunyai kemudahan pengangkutan yang canggih dan mereka dapat mengahaminya," ujar beliau.

Apa yang menarik kata beliau lagi, adalah syarikat berkenaan membuktikan kejayaan dalam pengurusan bakat pekerja yang berkoniah dalam memandangkan sistem tersebut berteknologi tinggi, sekali gus membuktikan bahawa sudah sampai masanya Malaysia memberi penekanan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara perkara yang menarik perhatian dalam teknologi pembinaan MRT adalah kerja-kerja bawah tanah yang meliputi pembinaan terowong berkembar dan struktur yang berkaitan bagi jajaran bawah tanah sepanjang 13.5 km serta 11 stesen bawah tanah termasuk Stesen MRT Tun

Razak Exchange (TRX).

TRX merupakan stesen paling dalam dan kedalamanya menyamai bangunan rumah pangsa 15 tingkat.

Selain itu, operasi MRT juga melibatkan sistem elektrik dan mekanikal yang menuntut satu tahap pialawan yang tinggi untuk memastikan kelancaran perjalanan para penumpang mengikut jadual yang ditetapkan.

Sementara itu menurut Zohari, sistem MRT menggunakan teknologi tinggi untuk beroperasi secara lebih baik dan untuk tujuan itu pihaknya amat memerlukan pekerja berkemahiran.

"Bagi tujuan menggunakan tenaga kerja berkemahiran, kami bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan sebuah politeknik bagi membekali pelajar yang tamat pengajian diberi pendedahan dalam pengangkutan kereta api sebelum diterima bekerja sebagai kakitangan tetap.

"Kaedah ini bertujuan mengurangkan masa melatih mereka," ujar beliau sambil menambah bahawa tiga ramuan utama kejayaan rangkaian kereta api adalah rangkaian hubungan, kekerapan dan ketepatan.

Selain meninjau kemudahan berteknologi tinggi, MOSTI juga menggunakan pendekatan mengajarkan pelbagai program dan acara dalam usaha membudaya dan menyemarakkan STL.



MADIUS TANGAU (dua kanan) mendengar penerangan daripada **Ir. Zohari Sulaiman** (kanan) ketika meninjau kemudahan MRT di Stesen TRX.



MADIUS TANGAU (berdiri kiri) bergambar bersama pelajar sekolah ketika meninjau kemudahan MRT di Stesen Merdeka.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 19 TARIKH: 9 OKTOBER 2017 (ISNIN)



MALAYSIA boleh menggunakan platform NAM untuk memasarkan produk penyelidikan tempatan.

LATAR BELAKANG

- Pusat Sains dan Teknologi NAM (NAM S&T Centre) ditubuhkan susulan kepada strategi umum bagi kerjasama dalam bidang sains dan teknologi (S&T) dalam kalangan Negara-negara Berkecuali (NAM).
- Sidang-Sidang kemuncak yang telah diadakan di Colombo, Sri Lanka pada 1976; di Havana, Cuba pada 1979; dan di New Delhi, India pada 1983.
- Berikutan dengan itu, Pusat Sains dan Teknologi NAM ditubuhkan yang beribu pejabat di New Delhi, India pada bulan Ogos, 1989. Sehingga kini sebanyak 48 buah negara telah menyertai pertubuhan tersebut.
- Malaysia menganggotai pertubuhan tersebut bermula pada 1994 dan telah terlibat secara aktif dalam mesyuarat Governing Council NAM S&T Centre.

Objektif Penubuhan Pusat Sains dan Teknologi NAM

- Penubuhan Pusat Sains dan Teknologi NAM bertujuan untuk menggalakkan pelbagai aktiviti dalam bidang S&T bagi mengukuhkan kerjasama dalam kalangan negara-negara anggota NAM.

FUNGSI NAM S&T CENTRE

- 1 Menggalakkan usaha sama terbaik dan berfaedah dalam kalangan saintis, organisasi dari negara-negara anggota NAM.
- 2 Menggiatkan dan menggalakkan pembangunan penyelidikan bersama, projek dan program latihan pada peringkat dua hala dan pelbagai hala dalam kalangan ahli-ahli Pusat Sains dan Teknologi NAM dalam bidang-bidang tertentu.
- 3 Memantau pelaksanaan program berkaitan dengan pembangunan S&T yang telah disyorkan atau diluluskan oleh mesyuarat Governing Council (GC) Pusat Sains Sains dan Teknologi NAM.



Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

PENCAPAIAN Malaysia dalam bidang sains, teknologi dengan penghasilan produk daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh pengguna tetapi mendapat perhatian pihak luar.

Kejayaan tersebut memahat nama Malaysia sebagai antara negara yang mempunyai pencapaian bidang sains yang kukuh, dan pada masa yang sama melibikan saintis yang pakar dalam bidang masing-masing.

Sebagai bukti Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Seri Mohd. Azhar Yahaya** dilantik sebagai Presiden Pusat Sains dan Teknologi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 48 buah negara membangun.

Pada mesyuarat kali ini, Malaysia telah dilantik sebagai Presiden Majlis Pentadbiran Pusat Sains dan Teknologi (S&T) NAM bagi penggal 2018-2020.

Pelantikan tersebut merupakan satu pengiktirafan tinggi terhadap sumbangan Malaysia dalam bidang sains dan teknologi di persada dunia dan mendatangkan faedah kepada Malaysia dari segi

Malaysia Presiden sains, teknologi NAM

mempromosikan kepakaran dan fokus Malaysia dalam bidang penyelidikan seperti bioteknologi, nanoteknologi, dan perkongsian idea dalam bidang inovasi sosial dan ICT kepada negara-negara anggota.

Pelantikan tersebut memberi ruang dan peluang kepada semua penyelidik berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing.

Menyifatkan pelantikannya sebagai cabaran besar bagi Malaysia, Mohd. Azhar berkata, ia juga merupakan satu penghormatan kepada Malaysia bagi memberi NAM ke satu tahap yang lebih baik sejak 1989.

"Saya berkeyakinan sebagai presiden, kita boleh membawa NAM ke satu tahap lebih baik yang sejak sekian selama banyak menyentuh aspek pembangunan, kemampuan dan dasar."

Sebaliknya kita mahu supaya anggota boleh berkongsi bidang



Kita boleh gunakan platform NAM untuk mempromosi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan sebagai jaringan pengkomersialan dan pemasaran produk tempatan."

penyelidikan, pengalaman membangunkan bidang sains dan teknologi, penyediaan teknologi yang disuntik dalam Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4), "ujarnya kepada Mega Sains."

Antara fokus beliau adalah membawa pemikiran baharu yang sesuai dengan cabaran terkini dalam bidang sains dan teknologi seperti jaringan Internet, perlunya peranan

agresif dan progresif mendepani isu sains dan penyelidikan, dan latihan kepakaran.

Sebelum ini, badan tersebut banyak menumpu kepada aspek dasar, perbincangan dan juga tadbir urus.

"Kita mempunyai kepakaran dalam penyelidikan dan pengalaman dalam Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang boleh dimanfaatkan

dan bagaimana hasilnya dapat dikomersialkan," ujarnya.

Menurut Mohd. Azhar lagi, kebanyakan negara anggota adalah negara membangun dan mempunyai kekayaan sumber semula jadi, tetapi jika tidak berjaga-jaga ia boleh dimanipulasi oleh pihak lain.

Justeru menurut Mohd. Azhar, kekayaan tersebut sewajarnya menjadi aset kepada negara anggota untuk memanfaatkannya bagi mienjana ekonomi dalaman dalam perkara tersebut dan boleh dibawa menjadi topik yang boleh dibincangkan menerusi kerjasama yang dibentuk.

Antara kerjasama yang akan dibentuk dalam tempoh Malaysia menjadi presiden adalah pengangjutan program saintifik dan perkongsian kepakaran yang akan melibatkan jabatan dan agensi MOSTI yang berkaitan seperti Akademi Sains Malaysia (ASM),

International Science, Technology & Innovation Centre (ISTIC), NanoMalaysia dan SIRIM Berhad.

Perkara itu boleh direalisasikan memandangkan kesetengah negara mempunyai kepakaran dalam penyelidikan seperti Iran dan beberapa negara ASEAN yang menyertai pertubuhan tersebut.

"Kita boleh gunakan platform NAM untuk mempromosi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan sebagai jaringan pengkomersialan dan pemasaran produk tempatan," ujarnya.

Fokus akan diberi kepada perkara-perkara seperti berikut:

- Mengukuhkan negara-negara Selatan-Selatan dalam bidang STI dengan perkongsian pengalaman pembangunan Malaysia untuk mencapai status pendapatan tinggi menjelang 2020;

- Meletakkan keutamaan dalam Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang menggabungkan automasi dan pengidigitalan, yang mana gabungan adalah teras untuk memacu revolusi itu;

- Memperkasa agenda inovasi dan pengkomersialan yang diteraju MOSTI melalui Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY).

MRSM Terendak raih emas inovasi TVET

EMPAT pelajar tingkatan 4 Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak, Melaka memenangi pingat emas kategori sekolah menengah dalam Pameran Penyelidikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2017 di Gambang, Pahang, baru-baru ini.

Ketua pasukan, Amirul Isyraf Mohd Ikhrum, 16, berkata, kejayaan itu diraih menerusi Tong Sampah Cegah Monyet yang dihasilkan menggunakan logam sepenuhnya dengan penutup yang direka khas bagi menghalang monyet daripada membukanya.

"Sekolah kami yang berhampiran dengan hutan sering diganggu oleh monyet liar yang suka menggeledah tong-tong

sampah sehingga bersepah.

"Dari situ tercetus idea untuk mencipta tong sampah yang dapat mengatasi masalah tersebut," katanya.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Kata Amirul, ciptaan berkenaan mula direka pada tahun 2015 melalui bimbingan guru dan kini dipasarkan menerusi koperasi sekolah.

"Rekaan yang dipatenkan dengan Harta Intelek Malaysia ini dalam perancangan untuk dijual menerusi platform dalam talian eBay," katanya.

Setakat ini, katanya, empat tong sampah telah dijual pada harga RM500 setiap satu. -



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (kanan) menyampaikan hadiah kemenangan kepada pasukan MRSM Terendak dalam majlis penutup Pameran Penyelidikan TVET UMP 2017 di Gambang, Pahang, baru-baru ini.

Expect heavy downpour till next month

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

PETALING JAYA: The inter-monsoon season has begun, bringing more frequent downpours and thunderstorms to the Klang Valley and parts of the west coast of Peninsular Malaysia, including flash floods.

As of yesterday, water levels at several measuring stations in Selangor, Melaka and Sarawak exceeded the alert level.

The Meteorological Department said the inter-monsoon period, which started on Oct 6, was expected to last until early next month.

"Heavy rain and thunderstorms, as well as strong winds, in the early evening will occur more frequently in most west coast states and the interior of the peninsula, the west coast of Sabah and, western and central Sarawak," it said in a statement.

Climate expert Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah from Universiti Malaya said the inter-monsoon



Cloudy with a chance of rain: More frequent episodes of heavy rains and thunderstorms are in store for the Klang Valley and other parts of the west coast of Peninsular Malaysia until early next month.

period usually brought brief but very heavy rain and thunderstorms that last about half an hour.

This could cause flash floods in parts of the Klang Valley and the northern states on the west coast of

the peninsula, such as Perak, Penang and Kedah, he said.

"Once the northeast monsoon begins in early November, it will be the east coast of Peninsular Malaysia, as well as the northern

states on the west coast that start to experience heavy rain," he said.

On the likelihood of the La Nina weather phenomenon taking place towards the end of this year which could worsen the floods, Prof Azizan said the situation now "is neutral".

La Nina is an irregular weather phenomenon which leads to a cooling of sea surface temperatures in the equatorial Pacific Ocean, which can cause unusually heavy rainfall in some parts of the world.

The website of the Department of Irrigation and Drainage showed water levels at several measuring stations exceeding the alert level yesterday.

These are Selangor's Sungai Bernam SKC Bridge station in Hulu Selangor, Sarawak's Bintulu Belaga Road station, Ng Merurung station in Kapit and the Long Tengoa station in Limbang.

In Melaka, those recording alert level readings were the Sungai Malim Klebang Besar and Sungai Duyong stations, both in Melaka Tengah.



699 Pusat Pemindahan Mangsa Banjir Disediakan Di Kelantan

KOTA BHARU, 8 Okt (Bernama) -- Sebanyak 699 pusat pemindahan banjir dengan kapasiti muatan 213,180 mangsa disediakan sebagai persiapan menghadapi banjir yang dijangka berlaku di Kelantan pada penghujung tahun ini dan awal tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana dan Bantuan Banjir Negeri Datuk Mohd Faudzi Che Mamat berkata sebanyak 8,000 petugas yang terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan terlibat dalam operasi itu.

"Kesemua 216 pangkalan hadapan di 10 daerah yang terbabit juga akan dibekalkan bantuan bekalan makanan mulai esok,"katanya kepada pemberita di Kompleks Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Mohd Faudzi yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan berkata persiapan menghadapi bencana alam itu dicapai bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) serta agensi kerajaan yang berkaitan.

"Dalam taklimat rutin ini kita akan mendengar segala persiapan yang mana agensi terbabit akan memaklumkan kesiapsiagaan mereka dalam menghadapi banjir,"katanya.

Beliau berkata maklumat daripada **Jabatan Meteorologi**, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengairan dan Saliran akan menjadi perolehan bagi persiapan tersebut.

Katanya persediaan awal amat penting khususnya di kawasan yang mempunyai ramai penduduk iaitu di jajahan Kota Bharu, Kuala Krai, Pasir Mas dan Tanah Merah.

Mohd Faudzi berkata penanda aras banjir di negeri ini adalah banjir pada 2014 dan jumlah petugas akan ditambah sekiranya keadaan memerlukan.

"Kita yakin persediaan yang dilakukan akan berjaya mengatasi apa-apa kemungkinan,"katanya.

-- BERNAMA

Wan Junaidi: Increase in rainfall early sign of possible floods

KUCHING: The quantity of rainfall has increased in Malaysia and Indonesia, which are early signs of possible floods, said Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

He said he had asked the National Security Council and related agencies to be prepared and to act immediately in providing aid to victims since the rainy season had begun.

Facts and data currently kept by the Department of Irrigation and Drainage (DID), said Dr Wan Junaidi, were no longer relevant and a comprehensive review would need to be carried out to address floods in the country.

This, he said, was due to the change in rainfall and weather patterns, adding that locations which never flooded before were now also facing the problem.

He said the **Meteorological Department**, the National Hydraulic Research Institute and the DID have been instructed to carry out scientific studies, which are expected to be completed in mid-November before being tabled to the Cabinet for approval.

"Although there is no specific allocation to tackle floods in Budget 2018, I hope attention will be given to this matter by the Government," Dr Wan Junaidi told reporters after presenting minor rural project grants worth RM247,920 to 71 organisations and associations here on Saturday.

On another matter, Dr Wan Junaidi, who is also Santubong MP, said he wished to contest in next general election. — Bernama



216 pangkalan hadapan hadapi banjir



MOHD Faudzi (dua kanan) mempengerusikan Mesyuarat Persiapan Banjir.

BANTUAN bekalan makanan untuk menghadapi banjir di Kelantan pada tahun ini akan mula dihantar esok ke pangkalan hadapan di semua jajahan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Faudzi Che Mamat berkata, sebagai persediaan menghadapi banjir di Kelantan tahun ini, 216 pangkalan hadapan disediakan.

Katanya, walau bagaimanapun bekalan makanan itu tidak akan dihantar semua ke pangkalan hadapan kerana sebahagiannya diletakkan di depoh yang dikawal oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sebanyak 699 pusat pemindahan sementara (PPS) akan dibuka dengan kapasiti 213,180 mangsa banjir bagi keselesaan dan tambahan akan dibuat oleh pihak pengurusan bencana sekiranya diperlukan.

"Lokasi yang diberi tumpuan adalah Kota Bharu, Kuala Krai, Tanah Merah dan Pasir Mas," katanya ketika ditemui di sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Banjir Negeri 2017 di Bilik Gerakan Kompleks Darul Naim, Kota Bharu, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pasca Bencana Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Muhammad Yusoff Wazir dan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kelantan, Zainuddin Hussin.

Mesyuarat diadakan sebagai persediaan terakhir bagi memastikan kesiapsiagaan semua agensi yang terbabit jika berlaku banjir dan turut mendengar taklimat yang disampaikan oleh **Jabatan Meteorologi**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan JKMs.

Mengulas lanjut, Mohd Faudzi berkata, 8,000 penyelamat akan ditugaskan membantu mangsa banjir termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), APM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

Beliau berkata, jumlah petugas mencukupi dan mereka sudah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan selain pengalaman yang dilalui ketika menghadapi banjir sebelum ini.

"Berdasarkan taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Meteorologi, keadaan cuaca adalah normal seperti tahun lalu dan hujan akan berlaku di kawasan pantai pada November dan pedalaman Disember.

"Kami berharap banjir yang bakal berlaku tahun ini tidak seperti pada 2014," katanya.

Gambar Nik Abdullah Nik Omar